

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

SAW211 - Perhubungan Industri/
SAW210 - Sosiologi Perindustrian

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan. Soalan Bahagian A WAJIB dijawab dan pilih DUA (2) soalan dari Bahagian B.

Bahagian A

1. Bandingkan Perhubungan Industri (Industrial Relations) di Malaysia dan di beberapa negara Europah Barat. Nyatakan perbezaan dan persamaan antara negara-negara tersebut dengan Malaysia. Buat ramalan mengenai bentuk Perhubungan Industri di masa hadapan di negara ini.

(40 markah)

Bahagian B

2. Sejak tahun 1985, kerajaan menggalakan penubuhan Kesatuan Dalaman dan menolak pendaftaran kesatuan sekerja berbentuk lain. Beri sebab-sebab ke atas tindakan kerajaan dan bandingkan kekuatan/kelemahan di antara Kesatuan Dalaman dan Kesatuan Sekerja Kebangsaan (contohnya NUPW, EIWU).

(30 markah)

...2/-

3. Apakah dimaksudkan “Budaya Kerja” itu? Jelaskan Komponan Budaya Kerja dan fungsinya bagi syarikat, majikan dan pekerja. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, beri analisis anda dalam konteks sesuatu syarikat/kilang/organisasi kerja yang anda pilih.
(30 markah)

4. Keselamatan dan kesihatan pekerja adalah amat penting untuk meningkatkan morale dan produktiviti. Buat bandingan keselamatan dan kesihatan di antara pekerja-pekerja dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan. Anda boleh menganalisa secara am atau memilih pekerjaan-pekerjaan tertentu.
(30 markah)

5. Pertelingkahan Industri (Industrial Conflict) jauh berkurangan sejak tahun 1980 (dari sumber Kementerian Sumber Manusia). Adakah ini membayangkan keadaan sebenarnya mengenai pertelingkahan tersebut di tempat-tempat kerja? Jelaskan sistem/bentuk penyelesaian Pertelingkahan Industri yang disediakan oleh kerajaan serta critikan mengenai sistem tersebut.
(30 markah)